

KEPERLUAN TERHADAP PENENTUAN *HAD AL-KIFAYAH* KEPADA PEMBAYAR ZAKAT PENDAPATAN

Mansor bin Sulaiman¹, Husna Binti Hashim² & Hasan Bin Ahmad³

Abstrak

Tulisan ini menjelaskan berkenaan keperluan penentuan had al-kifayah kepada pembayar zakat pendapatan. Ia dikemukakan bagi menunjukkan keistimewaan shariat Islam yang mengutarakan pelbagai sistem yang diperlukan masyarakat dalam bentuk yang syumul dan tersusun. Dalam tulisan ini, had al-kifayah merupakan salah satu mekanisme yang bersifat melengkapkan kerangka sistem zakat itu sendiri. Untuk tujuan tersebut, tulisan ini akan mengemukakan hujah dan bukti daripada dalil-dalil terpilih, pandangan ulama dan reality semasa yang menunjukkan berkenaan keperluan terhadap penentuan had al-kifayah kepada pembayar zakat pendapatan.

Key words: Had al-Kifayah, Zakat, Ekonomi Islam, Shariah

PENDAHULUAN

Had al-Kifayah merupakan suatu panduan yang dikemukakan shariat Islam bagi mengenalpasti garis yang membezakan antara golongan susah atau memerlukan bantuan kewangan dengan golongan senang atau mempunyai lebih dalam pendapatan mereka. Situasi ekonomi dunia umumnya dan negara Islam khususnya yang dibelenggu oleh sistem-sistem dari luar Islam yang sebahagian besarnya tidak selari dengan prinsip-prinsip Islam telah menyebabkan tidak kurang umat Islam yang lebih berbangga merujuk sistem bukan Islam berbanding sistem Islam itu sendiri. Berhubung perkara ini, *Had al-Kifayah* boleh menjadi salah satu panduan yang dapat menunjukkan keistimewaan Islam dalam mengimbangi jurang antara miskin dan kaya dalam masyarakat khususnya dari sudut mengenalpasti pihak yang perlu membayar zakat dan pihak

¹ Pensyarah kanan di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, UMP.

² Pensyarah di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, UMP.

³ Profesor Madya di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, UMP.

yang layak mendapat zakat. Justeru, tulisan ini menonjolkan salah satu daripada aspek tersebut iaitu keperluan penentuan *had al-Kifayah* kepada pembayar zakat.

KONSEP HAD AL-KIFAYAH

Istilah *had al-kifayah* ini bukanlah suatu istilah yang dikemukakan oleh al Quran atau al-Sunnah, tetapi ia merupakan istilah yang diambil para ulama daripada ruh nas-nas tersebut (al-Fanjari, 2010). Antara contoh nas yang boleh dijadikan rujukan berkenaan ketentuan *had al-kifayah* ini adalah seperti hadith Rasulullah berikut:

ليس المسكين الذي يطوف على الناس , ترده اللقمة واللقمتان و التمرة والتمرتان ولكن المسكين الذي لا يجد غنى يغنيه⁴
ولا يظن به فيتصدق عليه ولا يقوم فيسأل الناس (متفق عليه)

Maksudnya:

“Bukanlah miskin itu seorang yang datang-datangi manusia, lalu diberikan kepadanya sesuap dua makanan dan sebutir dua buah kurma, tetapi miskin itu ialah seorang yang tidak memiliki sesuatu yang mengkayakannya dan dalam masa yang sama tidak melakukan sesuatu yang membuat orang bersedekah kepadanya, dan tidak juga dia bangun di hadapan orang dan meminta-minta daripada mereka”

(Shahih Muslim: Hadith no: 1039)

Had al-Kifayah secara umumnya adalah kadar (keupayaan ekonomi) yang selayaknya bagi menjamin kelangsungan kehidupan seorang individu serta mereka yang di dalam tanggungannya. Ia bukan sekadar penentuan had minimum semata-mata tetapi ia menjangkaui persoalan tahap yang selayaknya bagi memastikan kelangsungan kehidupan seseorang serta tanggungannya (Uwais, 2004). Ia merupakan tahap yang lebih tinggi berbanding *had al-kafaf*⁵ dalam kehidupan

⁴ Hadith di atas menjadi dalil bahawa miskin itu bermaksud gabungan antara ciri tidak kaya dan tidak dilihat sebagai susah disebabkan sifat *al-ta'afuf* (menjaga diri).

⁵ *Had al-Kafaf* merupakan tahap terendah bagi kehidupan seseorang. Iaitu keupayaan memiliki makanan, pakaian dan tempat tinggal yang paling minimum sehinggakan sekiranya seseorang itu berada di bawah tahap ini nescaya seseorang itu tidak boleh hidup dan tidak berupaya menghasilkan sesuatu. Had ini tidak boleh dikurangkan manakala ketentuannya berasaskan kepada kuasa beli mengikut zaman dan tempat. (al-Fanjari, 2010)

dan boleh bertambah serta berubah berdasarkan perubahan peringkat kemajuan mengikut sesuatu tempat dan zaman. Istilah lain yang biasa digunakan untuk menunjukkan *had al-kifayah* antaranya ialah *al-hajah al-asliyyah* (keperluan asas) menurut fuqaha' al-Hanafiyah (mazhab Hanafi) dan juga *had al-Ghina* (tahap kekayaan) (al-Fanjari, 2010), sesetengah pengkaji pula menamakannya sebagai kehidupan yang mulia (العيش الكريم) (Basim, 2006).

Selain itu, ia juga menjadi garisan pemisah antara mereka yang layak menerima zakat dan mereka yang perlu membayar zakat. Barangsiapa yang pendapatannya melebihi *had al-kifayah* perlu mengeluarkan zakat manakala mereka yang kurang daripada had ini layak menerima zakat sehingga tahap memenuhi tahap tertentu yang didefinisikan sebagai *had al-kifayah* itu sendiri. Oleh kerana *had al-kifayah* ini boleh berbeza dan berubah mengikut zaman dan tempat, maka pemerintah berperanan dalam mengenalpasti had ini. Ia dikira sebagai suatu kewajipan negara kerana melibatkan hak orang yang perlu membayar zakat serta hak mereka yang sepatutnya menerima zakat (Uwais, 2004). Secara umumnya, definisi ini menunjukkan bahawa *had al-kifayah* merupakan suatu garis penentu seorang itu telah mempunyai kecukupan dari sudut ekonomi dalam meneruskan kehidupan.

KONSEP ZAKAT PENDAPATAN

Secara umumnya zakat pendapatan yang dibincangkan di dalam kertas kerja ini bukan sekadar zakat daripada penggajian tetapi ia meliputi sebarang pendapatan yang diperolehi seseorang sama ada dalam bentuk gaji, upah dan apa-apa pendapatan yang diperolehi daripada kerja-kerja yang telah dilakukan. Ia juga disebutkan dengan istilah tertentu iaitu antaranya disebut sebagai *zakat al-mustafad*. Di samping itu juga, zakat pendapatan juga termasuk sebarang hasil atau pendapatan daripada harta menerusi kaedah atau asas sewaan yang disebutkan sebagai *zakat al-Mustaghallat* (al-Salus, 2010).

Terdapat pelbagai pandangan ulama berkenaan kadar zakat pendapatan serta isu-isu yang berkaitan seperti persoalan haul dan nisab bagi zakat pendapatan ini (Salus, 2010)(Uwais, 2005).

Ini antara lain adalah disebabkan tidak ada dalil yang jelas berkenaan pensyariaan apa yang dinamakan sebagai zakat pendapatan itu sendiri. Walaupun begitu, tulisan ini bukanlah menjadi fokus penulis untuk membincangkan perkara-perkara tersebut. Oleh itu, secara umumnya zakat pendapatan ini adalah zakat kepada kesemua pendapatan yang diperolehi oleh seseorang disebabkan kerja-kerja yang telah dilakukannya termasuk penggajian, bonus, pindahan harta dan sebagainya. Selain itu, hasil sewaan juga termasuk dalam kategori pendapatan yang perlu dizakat atau dalam tulisan ini sebagai sebahagian daripada perkara yang dikenakan zakat pendapatan.

KEPERLUAN TERHADAP PENENTUAN *HAD AL-KIFAYAH* KEPADA PEMBAYAR ZAKAT PENDAPATAN

Keperluan paling besar terhadap penentuan *had al-Kifayah* kepada pembayar zakat pendapatan adalah untuk mendapatkan garis yang dapat membezakan antara mereka yang dalam kalangan pembayar zakat dan juga penerima zakat berdasarkan panduan sharak. Bagi mendapatkan *had* ini, maka pengenalpastian item-item tertentu yang dikategorikan sebagai keperluan asas semasa masyarakat serta kadar nilainya adalah diperlukan. Kegunaan item-item serta kadar setiap satu item tersebut adalah untuk dijadikan pengiraan kepada *had al-kifayah*. Contoh kepada item-item tersebut dalam konteks hari ini adalah seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan, alat komunikasi, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Perkara-perkara yang terkeluar daripada keperluan asas tidaklah diambil kira dalam pengiraan *had al-kifayah*, sebagai contohnya pakej lawatan luar negara, pakej makan di hotel mewah dan sebagainya.

Item-item ini akan dikira nilainya mengikut keperluan individu yang berada di dalam sesebuah keluarga. Ada di antara individu di dalam keluarga itu yang *had al-kifayah*nya mengambil kira kesemua item-item tersebut seperti individu yang merupakan ketua keluarga. Manakala contoh individu yang hanya mengambil kira sebahagian item sahaja atau item itu diberikan nilai yang kurang sedikit sesuai dengan kegunaan sebenar bagi mengira *had al-kifayah*nya adalah anak yang berumur di bawah 6 tahun. Menerusi gabungan jumlah individu dan item-item dengan nilai yang berkenaan maka diperolehi nilai *had al-kifayah* bagi sesebuah keluarga atau seseorang individu. Seterusnya untuk menentukan kadar zakat pendapatan mereka maka nilai *had al-*

kifayah akan menjadi sebagai nilai untuk tolakan daripada jumlah pendapatan ketua keluarga atau individu yang berkenaan. Sekiranya ada lebihan, maka zakat pendapatan hanya akan dikenakan sekiranya lebihan itu melebihi *nisab* dan cukup *haul*.

Selain daripada perkara di atas, terdapat beberapa keperluan lain bagi penentuan *had al-Kifayah* kepada pembayar zakat pendapatan. Antaranya adalah seperti berikut:

1. PENENTUAN HAD AL-KIFAYAH MENJADI PANDUAN BAGI MENGENALPASTI GOLONGAN PEMBAYAR DAN PENERIMA ZAKAT

Dalam pandangan Islam, kemiskinan dikira apabila seseorang itu tidak mencapai tahap kehidupan sepertimana kebiasaan yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Tahap ini adalah berbeza mengikut perbezaan masa dan tempat. Tahap inilah yang diistilahkan para ulama silam sebagai *had al-Kifayah* yang tertakluk kepada keperluan-keperluan kehidupan yang tertentu. Ia bermaksud bahawa seseorang itu dikira fakir dan miskin selagi mana tidak memenuhi keperluan mengikut kadar yang menjadikannya mewah dan kaya seperti orang lain (al-Fanjari, 2010). Dalam erti kata lain, fakir dan miskin adalah seseorang yang tidak memenuhi tahap selayaknya untuk kehidupan berdasarkan kepada zaman dan masa yang berkenaan.

Perbahasan perkara ini pada peringkat mazhab pula terdapat pelbagai pandangan berikutan al-Quran dan al-Hadith mengutarakan dua golongan dengan dua nama berbeza iaitu faqir dan miskin. Antara perbahasan tersebut ialah, faqir menurut al-Syafi'iyah dan al-Hanabilah⁶ adalah seseorang yang tidak memiliki harta dan pendapatan yang memenuhi keperluan (*kifayahnya*) atau hajatnya. Antara ciri golongan ini ialah tidak memiliki suami atau waris yang dapat mencukupkan keperluan mereka. Keperluan makan-minum, pakaian dan tempat tinggal mereka tidak mencukupi iaitu jika dinisbahkan ia hanya memenuhi keperluan 30% daripada keperluan yang sepatutnya. Mereka yang termasuk dalam kategori seperti ini dikira fakir walaupun

⁶ al-syafi'iyah dan al-Hanabilah berpendapat bahawa faqir lebih susah daripada miskin, antaranya berdasarkan dalil berkenaan asnaf zakat yang dimulakan dengan sebutan faqir terlebih dahulu. Kebiasaannya al-Quran mendahulukan persoalan yang lebih penting terlebih dahulu (al-Zuhaily, 1989).

merupakan seorang yang sihat dan dalam masa yang sama meminta-minta daripada orang lain (minta sedekah) atau pun memiliki rumah dan pakaian yang termasuk dalam kategori cantik bagi tujuan berhias-hias dengan keindahan. Manakala miskin pula adalah seorang yang memiliki pendapatan yang digunakan untuk menampung dirinya tetapi masih tidak mencukupi. Iaitu pendapatannya hanya mencukupi untuk menampung 80% daripada keperluan makan-minum, pakaian dan tempat tinggal. Kesimpulannya, golongan faqir merupakan golongan yang memiliki keadaan yang lebih teruk berbanding golongan miskin. Iaitu faqir asalnya adalah seorang yang tidak memiliki harta dan pendapatan atau pun boleh jadi seorang yang memiliki harta dan pendapatan tetapi hanya memenuhi kurang daripada 50% keperluan sebenar bagi dirinya dan diri mereka yang di bawah tanggungannya tanpa ada sebarang perbelanjaan yang bersifat melampau atau terlalu kurang. Manakala miskin pula adalah seorang yang memiliki harta atau pendapatan yang masih tidak memenuhi keperluannya iaitu sekadar dalam kadar antara 50% hingga 90% daripada keperluan sebenar (al-Zuhaily, 1989).

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa terdapat garisan tertentu yang boleh dikategorikan sebagai *had al-kifayah* yang boleh dijadikan sebagai garis penentu kecukupan seseorang. Menerusi garis ini ia dapat menentukan kedudukan seseorang itu sama ada termasuk di kalangan golongan yang layak menerima bantuan zakat atau sebaliknya. Berhubung perkara ini, penentuan *had al-kifayah* dapat menjadi asas untuk menentukan tahap ekonomi seseorang itu sama ada fakir, miskin atau kaya. Ini adalah disebabkan *had al-kifayah* boleh kita sebutkan sebagai tahap yang mana seseorang telah mencapai 100% kecukupannya. Menerusi garis ini maka kita boleh mengenalpasti dan mendefinisikan golongan-golongan penerima zakat seperti miskin yang disebutkan ulama sebagai mereka yang hanya memperoleh pendapatan sebanyak 80% sahaja manakala fakir pula memperoleh pendapatan sebanyak 30% sahaja. Ia secara tidak langsung dapat mengelakkan kesilapan dalam penetapan zakat pendapatan terhadap pihak yang tidak sepatutnya. Sebagai contohnya menetapkan kewajiban pengeluaran zakat pendapatan kepada mereka yang berada di bawah tahap *had al-kifayah* tetapi bukan kategori miskin iaitu golongan yang pendapatannya hanya mencukupi untuk menampung 80% hingga 99% sahaja perbelanjaan bulanannya. Dalam literatur yang dibuat penulis, penulis mengistilahkan golongan ini sebagai

golongan *kafaf* dan mereka tidak termasuk di kalangan orang yang diwajibkan mengeluarkan zakat pendapatan.

Selain itu, nas-nas berkenaan golongan yang telah melepasi tahap kecukupan (*had al-Kifayah*) juga memberi petunjuk kepada keperluan untuk mengenalpasti tahap tersebut pada masa kini. Ini adalah disebabkan pada zaman Rasulullah sendiri terdapat petunjuk bahawa garis itu adalah berubah-ubah dan memerlukan kepada penelitian untuk mengetahui kadar yang sebenar pada masa yang berkenaan. Sebagai contohnya terdapat suatu hadith Nabi seperti berikut:

عن أبي سعيد قال قال رسول الله من سأل وله قيمة أوقية فقد ألحف

Maksudnya:

Daripada Abu Said berkata, sabda Rasulullah saw: “Barangsiapa yang meminta dalam keadaan dia sendiri memiliki harta bernilai satu *Uqiyah*, sesungguhnya dia telah meminta secara mendesak”

(Sunan Abu Dawud, Hadith no. 1628)

Di dalam hadith di atas, Rasulullah telah memberikan suatu penanda aras berkenaan seorang yang dikatakan sebagai tidak layak menerima zakat atau dalam ertikata lain telah mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk keperluannya menerusi nilai yang jelas iaitu 1 *uqiyah*. 1 *uqiyah* ini disebutkan oleh para ulama sebagai nilai yang sama dengan 40 dirham. Walaupun begitu terdapat hadith lain yang menjelaskan nilai lain sebagai penanda aras, antaranya hadith seperti berikut:

من سأل وله ما يغنيه جاءت يوم القيامة خدوشا أو كدوشا في وجهه , قالوا يا رسول الله وما غناه ؟ قال خمسون درهما أو حسابها من الذهب

Maksudnya:

“Barangsiapa yang meminta sedangkan beliau memiliki sesuatu yang mengkayakannya, maka ketika hari akhirat, beliau akan datang dalam keadaan yang buruk pada wajahnya” Lalu sahabat

bertanya: “Wahai Rasulullah! Apakah kadar yang mengkayakannya?” Lalu Rasulullah menjawab: “50 dirham atau nilai seumpamanya dalam bentuk emas”.

(Sunan Abu Dawud hadith no: 1626)

Berhubung perkara di atas, kita mendapati bahawa hadith yang pertama menjelaskan tentang kadar yang dikatakan sebagai kaya mempunyai pegangan bernilai dengan kadar terperinci iaitu 1 *Uqiyah* yang bersamaan dengan 40 dirham, manakala hadith ke 2 mengemukakan kadar yang lain iaitu 50 dirham. Oleh kerana itu, terdapat perbezaan pendapat ulama berkenaan penanda aras kekayaan seseorang, iaitu pendapat pertama diwakili kalangan ulama seperti al-Thauri, Ibnu al-Mubarak, Ahmad, Ishaq dan segolongan daripada ahli ilmu yang lain berpendapat bahawa pemilikan nilai sebanyak 50 dirham merupakan penanda aras kepada kekayaan seseorang dan secara tidak langsung tidak layak menerima zakat (al-Shaukani 1, t.th.)⁷. Manakala pendapat kedua yang diwakili oleh ulama seperti Abu Abid al-Qasim Bin Salam yang meletakkan tanda aras seseorang dikira kaya dan tidak boleh menerima zakat ialah pemilikan sebanyak 40 dirham (Ibn Qudamah, 1996). Manakala Imam al-Shafii dan sebahagian ulama menyatakan sekiranya seseorang memiliki 50 dirham tetapi masih tidak mencukupi keperluan sebenarnya, maka dibenarkan untuk menerima zakat. Al-Shafii (2001) juga menyatakan seseorang itu dikira kaya walaupun hanya memiliki 1 dirham dan mempunyai pekerjaan yang terjamin, tetapi seseorang boleh dikira tidak kaya sekiranya memiliki seribu dirham dan dalam masa yang sama lemah dan mempunyai ramai anak. Walaupun begitu, dalam tulisan ini, pengkaji melihat bahawa perbezaan nilai antara dua hadith ini adalah sebagai petunjuk perbezaan itu berlaku dengan sebab-sebab tertentu. Antara sebab tersebut adalah kemungkinan perbezaan dari sudut masa atau tempat antara kedua hadith itu dibacakan. Ia secara tidak langsung menunjukkan penentuan nilai 100% sebagai garis *had al-kifayah* ini boleh berubah mengikut perubahan-perubahan yang berkenaan antaranya seperti faktor masa dan tempat. Oleh kerana itu, ia secara tidak langsung menunjukkan keperluan kepada pengkajian dan penentuan *had al-Kifayah* dari semasa ke semasa bagi melihat kadar *had al-kifayah* yang sebenar sebagai panduan mengenalpasti pembayar zakat pendapatan yang sepatutnya dan juga golongan yang perlu untuk diberikan agihan zakat.

⁷ Pendapat ini dikira pendapat yang paling rajih mengikut al-Shaukani. Walaupun begitu, sekiranya seseorang dengan pemilikan 50 dirham tetapi memiliki keluarga yang besar, beliau masih tidak boleh menerima zakat disebabkan dikira sebagai seorang yang kaya. Zakat hanya boleh diberikan menerusi saluran ahli keluarganya yang memerlukan. (al-Shaukani 1, t.th)

2. HAD AL-KIFAYAH SEBAGAI MEKANISME PENENTUAN GARIS PENENTUAN YANG BERASASKAN SHARIAH (MENERUSI IJTIHAD)

Sekiranya kita menelusuri sejarah, maka kita akan dapati bahawa penentuan *had al-Kifayah* masyarakat Islam telah berlaku sejak zaman awal Islam. Sebagai contohnya telah diriwayatkan daripada Saidina Omar bahawa beliau telah membuat penetapan nisab mengikut ijtihad ketika berlakunya musim kemarau. Pada ketika itu, beliau telah menentukan nisab zakat bagi kambing adalah bilangan kambing yang melebihi 100 ekor dan bukan 40 ekor kambing sepertimana hukum asal (sepertimana diambil daripada hadith Nabi). Ini disebabkan haiwan ini berada dalam keadaan kekeringan dan lemah (kurus kering) disebabkan situasi kemarau pada zaman itu dan bilangan 100 ekor ini dikira sebagai bersamaan dengan 40 ekor kambing yang sihat pada situasi biasa. Perkara ini menunjukkan bahawa telah berlaku perubahan dari sudut kos kehidupan pada ketika itu disebabkan keadaan ekonomi yang tidak begitu memberangsangkan. Ia berbeza dengan apa yang kita fahami menerusi nas dan dalil berkenaan kadar nisab pada zaman Rasulullah. Antaranya sepertimana disebutkan al-Fanjari bahawa nisab zakat pada zaman Rasulullah walaupun mempunyai pelbagai bentuk mengikut kategori masing-masing, tetapi kesemuanya mempunyai nilai yang sama. Sebagai contohnya 5 ekor unta, 30 lembu, 40 kambing, 20 *mithqal* emas (20 dinar [duit emas bersamaan dengan nilai 85 gram emas) 5 *awraq* daripada perak (200 dirham duit perak), dan 5 *ausuq* (50 kilo Mesir) hasil pertanian, kesemua yang disebutkan ini merupakan nisab bagi kategori masing-masing dan setiap satu daripada nisab ini mempunyai nilai yang sama antara satu sama lain. Pada zaman tersebut, 20 dinar atau 200 dirham atau 5 *ausuq* sudah mencukupi untuk perbelanjaan setahun bagi sebuah keluarga kecil yang terdiri daripada 4 orang seisi rumah (1 suami, 1 isteri, 1 anak, 1 pembantu)(Uwais, 2004). Perkara ini adalah berbeza dengan apa yang berlaku hari ini, di mana persamaan nisab adalah tidak berlaku lagi disebabkan secara umumnya kita dapat melihat bahawa nilai duit itu berbeza-beza di antara masa dan tempat yang berbeza. Sepertimana nilai emas itu sendiri telah turun nilainya pada masa kini. Iaitu apa yang berlaku ialah nisab yang ditentukan syarak kepada perak adalah tidak sama dengan nisab-nisab lain yang ditentukan syarak seperti nisab emas, haiwan peliharaan dan sebagainya. Begitu juga nilai emas yang selalu turun dan naik sehinggakan 20 dinar atau *mithqal*, iaitu 85 gram emas tidak bersamaan atau menyamai nisab-nisab yang lain. Oleh kerana itu,

Uwais (2004) mencadangkan bahawa nisab zakat adalah merujuk kepada nilai hakiki bagi setiap nisab syarii. Iaitu antara lainnya nisab itu adalah bersamaan dengan kos yang memenuhi keperluan 4 orang seisi rumah sepertimana dinyatakan di atas.

Berhubung perkara ini, *had al-Kifayah* yang dibangunkan adalah untuk mengenalpasti kos keperluan isi rumah itu sendiri setelah nilai nisab itu sudah tidak menjadi suatu yang bersifat tetap. Oleh kerana itu, secara tidak langsung ia memberi isyarat berkenaan keperluan kepada mengenalpasti *had al-kifayah* itu sendiri. Perbincangan berkenaan perbezaan dahulu dan hari ini adalah bagi menunjukkan keperluan kepada ijtihad para ulama berkenaan penentuan *had al-kifayah* itu sendiri. Ini disebabkan *had al-kifayah* ini adalah berkaitan persoalan menentukan tahap atau garis pemisah kaya dan miskin yang antara lainnya perlu melihat kepada kedudukan ekonomi semasa. Oleh kerana nilai nisab itu juga sudah agak berubah dalam dunia hari ini maka keperluan kepada ijtihad atau penelitian mendalam terhadap *had al-kifayah* juga adalah merupakan suatu keperluan dalam konteks semasa. Perkara ini selari dengan pandangan al-Imam Malik sendiri yang telah memberikan komentar bahawa persoalan ini terbuka kepada ijtihad, iaitu terbuka kepada kajian-kajian untuk menentukan had yang sepatutnya dalam sesebuah masyarakat (al-Zuhaily, 1989). Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan kedinamikan *had al-Kifayah* itu dalam berhadapan dengan keperluan masa dan tempat yang berbeza dan berubah-ubah. Di samping itu, kedudukannya sebagai termasuk dalam lingkungan aspek *ijtihadi* menjadikannya sebagai suatu yang sepatutnya terkawal dan dikawal oleh panduan syariah itu sendiri dan bukan hanya menempel kepada panduan-panduan yang tidak berasaskan syariah atau diputuskan tanpa berasaskan kepada sebarang panduan. Ini adalah disebabkan ia sebagai elemen untuk melancarkan salah satu daripada ibadah atau rukun Islam iaitu zakat itu sendiri.

3. HAD AL-KIFAYAH SEBAGAI MEKANISME BAGI MENEGAKKAN KEADILAN EKONOMI

Keperluan terhadap penentuan ini merujuk kepada prinsip Islam itu sendiri yang antara lain menekankan keadilan dalam pengagihan kekayaan serta memelihara keseimbangan ekonomi.

Oleh kerana itu, salah satu daripada ciri yang ditonjolkan Islam dalam pengagihan kekayaan ialah keadilan berdasarkan dalil:

اعدلوا هو أقرب للتقوى

Maksudnya:

“Berlaku adillah, kerana ia hampir kepada taqwa”

(al-Quran; al-Ma'idah: 8)

Antara gambaran yang paling jelas berkenaan keadilan ini adalah dalam aspek pemeliharaan keseimbangan ekonomi sama ada antara sesama individu pada peringkat masyarakat atau antara negara pada peringkat antarabangsa. Islam merupakan agama yang menyeru kepada mendapatkan kemewahan dan kekayaan tetapi dengan syarat bahawa kekayaan itu tidak hanya berlegar di kalangan sebilangan kecil manusia atau hanya negara tertentu sahaja. Dalam erti kata lain Islam menghalang berlakunya perbezaan yang sangat besar dalam pengagihan kekayaan sehingga menyebabkan golongan tertentu sahaja yang memiliki kekayaan luar biasa sedangkan pihak lain berada dalam keadaan yang rendah taraf hidupnya. Apa yang dibenarkan adalah kekayaan itu dapat diratakan pengagihannya dengan perbezaan yang berlaku adalah perbezaan yang terkawal serta seimbang. Perbezaan dalam pengagihan dan pemerolehan kekayaan adalah merupakan suatu perkara tabii dalam masyarakat yang dipersetujui oleh Islam lantaran perbezaan potensi dan keupayaan manusia. Apa yang ditolak oleh Islam adalah perbezaan yang sangat luar biasa dalam pengagihan dan pemerolehan seperti dinyatakan di atas. Oleh kerana itu, Islam menuntut wujudnya campurtangan dalam proses pengagihan dan pemerolehan bagi tujuan memastikan dikembalikan keseimbangan ekonomi apabila keseimbangan itu tiada. Kesemua ini perlu dilakukan sehinggalah tercapainya tujuan pengagihan dan pemerolehan itu sendiri iaitu bantu-membantu, lengkap-melengkapi dan bukan eksploitasi dan pertembungan yang tidak berkesudahan. Dalil kepada perkara ini adalah firman Allah:

كي لا يكون دولة بين الأغنياء منكم

Maksudnya:



“Supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya saja di antara kamu”

(al-Quran; al-Hashr: 7)

Berhubung perkara ini, penentuan *had al-kifayah* antara lain, dapat menjadi panduan dalam perbelanjaan seseorang. Antaranya ia dapat memberikan panduan sama ada seorang itu berbelanja mengikut kebiasaan atau berbelanja di luar kebiasaan masyarakat. Ini adalah disebabkan dalam proses penentuan *Had al-Kifayah*, pengiraan sesuatu sebagai *had al-Kifayah* adalah merujuk kepada gaya hidup majoriti atau bilangan populasi tertinggi dan bukan merujuk kepada kedudukan purata. Ia merujuk kepada definisi *had al-Kifayah* itu sendiri yang bermaksud kadar (keupayaan ekonomi) yang selayaknya bagi menjamin kelangsungan kehidupan seorang individu serta mereka yang di dalam tanggungannya. Sehubungan dengan itu, ia dapat mendidik masyarakat untuk berbelanja secara berhemah dan tidak boros. Sebagai contohnya sekiranya *had al-Kifayah* perbelanjaan makan individu ketua keluarga bagi negeri Pahang adalah sebanyak RM 300.00 sebulan pada tahun 2016, maka perbelanjaan sebanyak RM 800 sebulan untuk tujuan itu sahaja sudah dikira sebagai perbelanjaan yang melebihi *Had al-Kifayah* yang sepatutnya. Ia bermaksud beliau telah belanja lebih daripada RM 500.00 sebulan daripada *Had al-Kifayah* yang sepatutnya. Perbelanjaan berlebihan seperti ini sehingga tidak mempunyai lebih wang di akhir bulan tidak boleh menjadi alasan bagi seseorang untuk mengelak daripada mengeluarkan zakat pendapatan. Begitu juga, lebih teruk lagi sekiranya perbelanjaan yang melampau dijadikan alasan untuk mendapatkan zakat disebabkan tidak mempunyai wang yang cukup untuk menampung gaya hidup boros. Menerusi panduan ini, ia secara tidak langsung membentuk panduan yang jelas berkenaan golongan yang perlu mengeluarkan zakat pendapatan dengan golongan yang sebaliknya. Dalam masa yang sama, ia menjadi mekanisme yang dapat menterjemahkan maksud keadilan dalam ekonomi Islam itu sendiri.

Maksud keadilan menerusi penentuan *Had al-Kifayah* juga boleh dilihat menerusi kesan zakat terhadap tahap kepuasan individu dan masyarakat. Secara umumnya ia boleh diterangkan menerusi ilustrasi keluk jumlah utility. Mengikut teori utility, jumlah kepuasan akan bertambah dengan bertambahnya penggunaan sesuatu barang. Namun hukum utility sut berkurangan menjelaskan bahawa pertambahan jumlah utiliti akan berkurangan dengan setiap tambahan unit penggunaan sesuatu barang. Terdapat 3 bahagian dalam keluk jumlah utiliti (rujuk gambarajah a dan b di bawah). Bahagian I menjelaskan fasa utiliti sut bertambah dengan pertambahan unit

penggunaan, bahagian II merujuk kepada fasa di mana hukum utiliti sut berkurangan berlaku, dan bahagian III pula merujuk kepada keadaan jumlah utility mula menurun dengan setiap tambahan unit penggunaan. Pengguna rational akan berada pada fasa penggunaan di bahagian II sehingga jumlah utiliti mencapai tahap maksimum sebelum mula berkurang. Bahagian I jarang diberi perhatian dalam perbincangan teori utility. Penulis melihat bahawa bahagian I boleh dirujuk sebagai fasa di mana pengguna belum mencapai tahap kecukupan dalam penggunaan. Pada fasa ini, setiap tambahan unit penggunaan akan meningkatkan jumlah utility pada kadar yang meningkat. Fasa ini akan berlanjutan sehingga pengguna mencapai tahap kecukupan yang boleh dirujuk sebagai *had al-kifayah*. Setelah melepasi had ini, pengguna mula menikmati kecukupan dalam penggunaannya lantas setiap pertambahan unit baru akan meningkatkan jumlah utility tetapi pada kadar yang menurun.



Kewajipan zakat keatas individu yang cukup syarat nisab dan haul membolehkan unit-unit tambahan penggunaan disalurkan kepada individu yang belum mencapai tahap kecukupan. Apa yang berlaku ialah pembayar zakat mengeluarkan sebahagian unit lebihan yang mereka ada dengan mengorbankan sedikit kepuasan penggunaan seperti ditunjukkan digambarajah (a) pergerakan daripada titik P kepada R. Unit-unit lebihan ini dipindahkan kepada individu yang belum mencapai tahap kecukupan sehingga mereka mencapai tahap kecukupan (*had al-kifayah*), seperti ditunjukkan di gambarajah (b) pergerakan titik S kepada T. Kesan yang ketara ialah berlaku pertambahan jumlah kepuasan bagi penerima zakat pada kadar yang jauh lebih besar berbanding pengurangan kepuasan yang dialami oleh pembayar zakat. Secara keseluruhan, jumlah kepuasan keseluruhan bagi masyarakat bertambah. Berhubung perkara ini, Uwais (2004) menyatakan bahawa lebihan yang dikeluarkan oleh pemberi zakat bukanlah suatu yang merugikan pembayar zakat, tetapi sebaliknya memberikan suatu yang sangat bernilai kepada penerima zakat. Secara prinsipnya, pengeluaran zakat pendapatan daripada lebihan harta berdasarkan panduan *Had al-Kifayah*, tidaklah mendatangkan kerugian kepada pemberi sebaliknya dalam masa yang sama memberikan keuntungan kepada penerima zakat itu sendiri.

KESIMPULAN

Tulisan ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan yang besar terhadap penentuan *had al-kifayah* kepada pembayar zakat pendapatan. Menerusi penentuan ini, ia akan dapat menunjukkan bagaimana lengkapnya sistem zakat itu sendiri. Sebaliknya kegagalan dalam mendapatkan penentuan ini akan menyebabkan pihak yang berautoriti berkenaan zakat secara khususnya dan masyarakat awam secara umumnya akan berada dalam keadaan tercari-cari panduan bagi menentukan kadar pendapatan yang sepatutnya untuk mengeluarkan zakat pendapatan. Begitu juga masalah akan berlaku dalam mengenalpasti tolakan-tolakan dan kadar tolakan yang dibenarkan oleh sharak untuk diaplikasi dalam kiraan zakat pendapatan. Selain itu, ia juga menyebabkan umum akan melihat kepincangan sistem zakat itu sendiri sehingga terpaksa bertenggek kepada sistem yang berada di luar daripada kerangka shariah itu sendiri.

Selain itu, penentuan *had al-Kifayah* ini juga merupakan suatu petunjuk kepada hakikat shariat Islam itu sendiri yang bersifat dinamik terutamanya dalam lingkungan panduan dan hukum-hakam berkaitan aspek *muamalat*. Penafian sifat ini dengan meletakkan sifat yang bercanggah dengan elemen dinamik itu sendiri menyebabkan hukum dan sistem Islam itu terkebelakang daripada realiti semasa. Sedangkan hakikatnya, shariah telah memberi ruang untuk hukum dan sistem yang secara khususnya dalam tulisan ini, iaitu *had al-Kifayah* untuk menghadapi realiti dalam keadaan ia dilihat sebagai suatu yang sentiasa bersifat bersesuaian dan menepati kehendak semasa. Justeru, antara saranan yang boleh dikemukakan di sini adalah diharapkan tulisan ini bukan sekadar dijadikan bahan wacana dan diskusi semata-mata tetapi ia boleh dijadikan sebagai penolak kepada kajian lebih mendalam berkenaan *had al-kifayah* itu sendiri, seterusnya dapat diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan dalam dunia realiti.

RUJUKAN

Al-Quran

Al-Hadith

Abū Dāwūd, Sulaimān Ibn al-Ash^cas al-Sajastānī al-Azdī (t.th). *Sunan Abū Dāwūd*. Ḥamas: Muḥammad ^cAlī al-Sayyid Nashr wa Tauzī^c

Al-Fanjari, Muhammad Shauqi (2010) *al-Islam wa al-Tawazun al-Iqtisadi baina al-Afrad wa al-Dual*. Jil. 1. Wizarat al-Auqaf, <http://www.shamela.ws>

Al-Nawawi, Abu Zakariyya Mahyuddin Ibn Sharf (Tahqiq: Muhammad Najib Muti'i), (t.th.) *Kitab al-Majmu' ala Sharh al-Muhazzab Li al-Shirazi*, Jeddah: Maktabah Irshad.

Al-Shafii, Muhammad Ibn Idris (Tahqiq: Rif'at Fauzi Abd al-Muttalib), (2001) *al-Um*, Cet. 1, Mansurah, Mesir: Dar al-Wafa'.

Al-Shaukani 1, Muhammad Ibn Ali Ibn Muhammad ibn Abdullah (Tahqiq: Muhammad Subhi ibn Hasan Hallaq) (t.th) *al-Fath al-Rabbani Min Fatawa al-Imam al-Shaukani*, Sanaa', Yaman: Maktabah al-Jil al-Jadid.

Al-Shaukani 2, Muhammad Ibn Ali, (t.th.) *Nail al-Auṭar: Min ahadith Sayyid al-Akhyar*, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.

Basim al-Jumaili, dr. (2006) *Siyasah al-Tasni' Fi Dhaw' Maqasid al-Shariah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Darwazah, Muhammad Azzah (2002) *al-Tafsir al-Hadith: Tartib al-Suar Hasba al-Nuzul*, c.2, Beirut: Dar al-Gharbi al-Islami

Ibn Qudamah al-Maqdisi, (1996) *al-Mughni Li Ibn Qudamah Wa Yalihi al-Sharh al-Kabir*, Kaheerah: Dar al-Hadith.

Laporan Kajian Had al-Kifayah Negeri Pahang 2012, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Pahang dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Pahang & Pusat Kutipan Zakat Pahang.

Muslim, al-Imām Abū Ḥusain Muslim Ibnu al-Ḥajjaj al-Qushairī al-Nisābūrī (2001). *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Qaradhawi, Yusuf al- (1991) *Fiqh al-Zakah*, c.20, Beirut: Mu’asassah al-Risalah.

Sayyid Hawwā (1988), *al-Islām*, Beirut: Dār ‘Ammār.

Uwais, Abd al-Halim (2004) *Mausu’ah al-Fiqh al-Islami al-Mu’asir*, c.1, Mansurah: Dar al-Wafa’

Zuhaily, Wahbah al- (1989) *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, c.3, Syria: Dar al-Fikr.